


14 • Penerbitan




Pada tahun 2019, Penerbit UniMAP telah menerbitkan sebanyak 12 judul buku bercetak dan 10 judul buku elektronik bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta ilmu kepada masyarakat umum. Penerbit UniMAP juga sentiasa memastikan kecemerlangan penyelidikan berterusan melalui penerbitan 13 isu jurnal pada tahun 2019. Selain itu, Penerbit UniMAP juga menguruskan terbitan khas seperti buku program, poster, banting dan brosur. Jumlah keseluruhan bahan terbitan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 82 bahan terbitan.

14.1 STATISTIK PENERBITAN TAHUN 2018-2019


Jenis Penerbitan	2018	2019
Buku	15	12
Jurnal	11	13
Modul Pengajaran	3	-
Modul Makmal	-	-
e-Book	16	10
e-Proceeding	-	1
Lain-lain	23	46
JUMLAH	68	82



Rajah 14.1: Bilangan Penerbitan Yang Dihasilkan Bagi Tahun 2018-2019



Rajah 14.2: Peratusan Perbandingan Penulisan Buku Ilmiah (bercetak) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Bagi Tahun 2019



Rajah 14.3: Bilangan Penerbitan Buku Ilmiah Mengikut Tahun dari 2005 - 2019

PELANCARAN BUKU RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA SEMENA SEMINAR INSTITUSI RAJA (SIRAJ VI: SISTEM BERAJA: ANTARA REALITI DENGAN HARAPAN)

Bersempena dengan Seminar Institusi Raja (SIRaj VI): Sistem Beraja: Antara Realiti dengan Harapan, satu Majlis Pelancaran Buku Penerbit UniMAP bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) telah diadakan pada 24 Oktober 2019 bertempat di Balai Budaya Tun Syed Abdul Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail sendiri telah berkenan melancarkan buku yang diberi judul, *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada*.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis telah berkenan mencemari melancarkan buku 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' di Dewan Bahasa dan Pustaka.






Pelancaran Buku disempurnakan oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Canselor UniMAP dan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.



Sebahagian buku-buku yang dilancarkan semasa Pelancaran Penerbitan Khas sempena Majlis Santapan Malam Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke 14.

14.2 SENARAI BUKU BERCETAK YANG DITERBITKAN 2019




Analog and RF Circuits: Design and Implementation

ISBN 978-967-0922-75-1
Editor: Sohiful Anwar Zainul Murad, Jamilah Karim, Noor'ain Kamsani dan Azizi Harun



BIM Modelling Techniques for IBS Buildings Practical Guidance for Construction Professionals

ISBN 978-967-0922-78-2
Zul-Atfi Ismail



Drinking Water: Practicing Water Saving at Home

ISBN 978-967-0922-72-0
Nabsiah Abdul Wahid



Raja dan Rakyat Berpisah Tiada

ISBN 978-983-49-2639-7
Editor: Hanum Hassan dan Nurul Ashikin Abdul Halim




Pantun Pak Nazel: Rangkap Disurat Maksud Tersirat

ISBN 978-967-0922-73-3
Nazel Hashim Mohamad



Recent Trends in Biomedical Engineering and Healthcare

ISBN 978-967-0922-77-5
Editor: Azian Azamimi Abdullah, Mohd Hanafi Mat Som dan Zulkarnay Zakaria



Drinking Water for Society: Public's Perception on Drinking Water Issues in Malaysia

ISBN 978-967-0922-81-2
Nabsiah Abdul Wahid, Nur Hani Alias, Zakaria Abbas, Rozita Arshad, Zainal Ariffin Ahmad, Ismail Abustan, Razman Salim dan Siti Nabiha Khalid



Bukan Payah Nak Hidup

ISBN 978-967-0922-80-5
Huzili Hussin



Siri Diges Kemanusiaan: Kebitaraan Insan

ISBN 978-967-0922-76-8
Editor: Shuhairimi Abdullah, Wan Nur Ashiqin Wan Ali dan Nur Azila Azahari



Aplikasi Teori dalam Kajian Media

ISBN 978-967-0922-74-4
Editor: Norizah Aripin, Awan Ismail dan Sabrina Mohd. Rashid



International Languages and Knowledge Learning in a Changing World

ISBN 978-967-0922-82-9
Editors: Ina Suryani dan Dipima Buragohain



Dinamika Minda Baharu: Keusahawanan dan Kemanusiaan

ISBN: 978-967-0922-83-6
Editor: Shuhairimi Abdullah, Khairunnisak AhmadShakir, Azahari Ramli dan Muhammad Shukri Bakar

PENYERTAAN PENERBIT UNIMAP DI PESTA BUKU FRANKFURT, JERMAN PADA 16-20 OKTOBER 2019

Penerbit UniMAP telah menyertai Pesta Buku Frankfurt yang telah berlangsung pada 16-20 Oktober 2019 bertempat di Frankfurt, Jerman. Penyertaan kali ini dibuat secara bersama Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Institut Terjemahan Buku Malaysia, Perbadanan Kota Buku dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). *Frankfurter Buchmesse (FBF) 2019* merupakan forum pertemuan dan medan kemuncak perniagaan terbesar antara pedagang hak cipta dengan penerbit dari seluruh dunia. Ia merupakan acara tahunan yang diadakan setiap bulan Oktober melibatkan hampir 7500 peserta dari lebih 110 buah negara selain menerima kehadiran ribuan pedagang hak cipta yang berdaftar hadir untuk membuat perolehan judul. Penerbit UniMAP pertama kali menyertai dalam usaha untuk menyebarkan karya UniMAP di peringkat antarabangsa. Penyertaan kali ini tertumpu kepada penjualan hak cipta karya Penerbit UniMAP dan kerjasama penerbitan dengan penerbit luar. Di samping itu, FBF juga menjadi medan pertemuan dengan aggregator-aggregator penerbitan elektronik bagi meningkatkan peluang baharu dalam penerbitan elektronik dan pemasarannya.



Buku terbitan Penerbit UniMAP dipamerkan di Pavilion Malaysia semasa Pesta Buku Frankfurt, Jerman pada 16-20 Oktober 2019.

Kerjasama Penerbit UniMAP Bersama Penerbit Cengage Learning Asia Pte. Ltd. di Pesta Buku Frankfurt 2019

Bersempena dengan *Frankfurt Book Fair (FBF) 2019* satu memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh Penerbit UniMAP dan penerbit-penerbit universiti di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) bersama dengan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) dengan penerbit *Cengage Learning Asia Pte. Ltd. (CENGAGE)* pada 16 Oktober 2019 di Pavilion Malaysia, Frankfurt Book Fair 2019, Jerman. *Cengage Learning Asia Pte. Ltd. (CENGAGE)* adalah penerbit karya ilmiah bertaraf antarabangsa yang beroperasi di seluruh dunia termasuk China, Indonesia, Jepun, Filipina dan Thailand. Berpusat di Boston, Amerika Syarikat. *CENGAGE* banyak menerbitkan karya ilmiah di dalam bidang perniagaan, ekonomi, sains sosial, teknologi dan matematik. Perjanjian ini adalah usaha untuk mengadakan kerjasama penerbitan dan pemasaran bahan terbitan secara bersama antara Penerbit Universiti di bawah MAPIM.



En. Zulhillizan Othman mewakili Penerbit UniMAP menandatangani MoU persefahaman dengan *Cengage Learning Asia Pte. Ltd. (CENGAGE)* dengan disaksikan YB Menteri Pendidikan Dr Mazlee Malik dan Naib Canselor UniMAP, Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad.

Majlis menandatangani MoU ini telah berlangsung selepas Majlis Pelancaran Buku terbitan penerbit Universiti Awam (UA) oleh Menteri Pendidikan, YB. Dr. Maszlee Malik pada 16 Oktober 2019. YB Menteri Pendidikan turut telah menyaksikan majlis menandatangani MoU antara CENGAGE dan ITBM-MAPIM, Penerbit UniMAP diwakili En. Zulhillizan



Othman selaku Ketua, Penerbit UniMAP dan turut disaksikan juga oleh Naib Canselor UniMAP, Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad.



Menteri Pendidikan, YB Dr. Maszlee Malik sedang menurunkan tandatangan sebagai tanda kenangan ke atas buku terbitan Penerbit UniMAP yang dilancarkan.

Kerjasama Penerbitan Buku Penerbit UniMAP bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) sempena Seminar Institusi Raja (SIRaj VI: Sistem Beraja: Antara Realiti dengan Harapan

Bersempena dengan Seminar Institusi Raja (SIRaj VI): Sistem Beraja: Antara Realiti dengan Harapan, satu Majlis Pelancaran Buku Penerbit UniMAP bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) telah diadakan pada 24 Oktober 2019 bertempat di Balai Budaya Tun Syed Abdul Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail sendiri telah berkenan melancarkan buku yang diberi judul, *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada*.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Rajam Muda Perlis telah berkenan mencemar duli melancarkan buku 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' di Dewan Bahasa dan Pustaka.



Penerbit UniMAP sertai MAPIM meterai MoU dengan Kinokuniya dan JMA

Satu memorandum persefahaman dimeterai antara Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dengan Kinokuniya serta *Japan-Malaysia Association (JMA)* di Kementerian Pendidikan Malaysia. Presiden Kinokuniya Co. Ltd, Masahi Takai mewakili Kinokuniya manakala MAPIM diwakili oleh Pengarah Urusan Institut Terjemahan dan Buku, Sakri Abdullah dan Pengarah Eksekutif JMA Takuji Arai dan disaksikan oleh Menteri Pendidikan, YB Mazlee Malik. MoU ini membabitkan usaha mengantarabangsakan karya ilmiah Malaysia dan kerjasama pengedaran buku kedua-dua negara. Penerbit Universiti (UA) di bawah MAPIM akan bekerjasama dengan JMA untuk menterjemahkan karya terbaik dalam bidang masing-masing. Buku-buku terjemahan yang diterbitkan bersama nanti akan dipasarkan diseluruh Jepun oleh Kinokuniya.



Presiden Kinokuniya Co. Ltd, Masahi Takai bersama Pengarah Urusan Institut Terjemahan dan Buku, Sakri Abdullah mewakili MAPIM dan Pengarah Eksekutif JMA Takuji Arai menandatangani MoU sambil disaksikan oleh Menteri Pendidikan, YB Dr. Mazlee Malik



Mesyuarat Khas Penerbit-Penerbit MAPIM Bersama Pengarah Eksekutif, Japan-Malaysia Association (JMA) Takuji Arai di Kementerian Pendidikan Malaysia.



Wakil Penerbit-Penerbit Universiti Awam di bawah MAPIM bersama Presiden Kinokuniya Co. Ltd, Masahi Takai, Pengarah Eksekutif JMA, Takuji Arai dan Menteri Pendidikan, YB Dr. Mazlee Malik.

14.3 PEMASARAN DAN PENJUALAN BAHAN TERBITAN


Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2019

Sepanjang tahun 2019, hasil jualan bahan yang diperoleh adalah sebanyak RM 87,216.44. Penerbit UniMAP mencatatkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya, dan peningkatan ini dibantu oleh hasil melalui perkhidmatan pemprosesan artikel jurnal sebagai salah satu sumber penjana kewangan kepada penerbitan.


Selain itu, Penerbit UniMAP mempelbagaikan rangkaian pemasaran melalui pelbagai medium dan platform e-dagang, seperti penyertaan ke pesta dan pameran buku di seluruh Malaysia dan jualan secara atas talian (*online*) di LAZADA, SHOPPE dan e-Sentral. Bagi meningkatkan jualan bahan terbitan, promosi Penerbit UniMAP dibuat melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan laman web rasmi Penerbit yang boleh diklasifikasikan sebagai satu kaedah pemasaran yang paling efektif pada masa kini. Secara tidak langsung, ianya menyumbangkan kepada peningkatan hasil jualan bahan terbitan.

Selain dari aktiviti dan penyertaan pameran buku di dalam negara, Penerbit UniMAP telah menyertai pameran luar negara, iaitu Frankfurt Book Fair,


2019 di Jerman pada 16-20 OKTOBER 2019 yang lalu. Pengalaman pertama ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan peluang selain menyebarkan karya penulis dan keterlihatan Penerbit UniMAP di peringkat antarabangsa.



Rajah 14.4: Jumlah Hasil Jualan Bahan Penerbitan Bagi Tahun 2019 Mengikut Bulan



Rajah 14.5: Jumlah Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2006-2019



Rajah 14.5: Hasil Berdasarkan Platform dan Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2019